



SIARAN MEDIA

RM 35.8 JUTA DIPERUNTUKKAN OLEH KERAJAAN BAGI MENGHADAPI MONSUN TIMUR LAUT 2023/2024

PENGKALAN CHEPA, 18 Disember – YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari ini telah turun melawat Depoh Simpanan Keperluan Bencana (DKSB) Kemumin Pengkalan Chepa, Kelantan bagi meninjau kesiapsiagaan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui agensi dibawahnya iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dalam menghadapi Monsun Timur Laut 2023/2024. Turut sama dalam lawatan ini, YB Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Sehingga kini, JKM mempunyai **8 buah Depoh, 137 stor negeri/daerah, 60 mini depoh kontena dan 580 pangkalan hadapan** yang menempatkan keperluan asas mangsa bencana.

Berdasarkan Arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) No.20 (Semakan Semula): Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara, JKM mempunyai empat (4) peranan dan tanggungjawab utama iaitu, menyedia dan menyelenggara pusat pemindahan sementara mangsa- mangsa bencana, menyedia dan mengedarkan bantuan makanan, pakaian dan lain-lain keperluan asas kepada mangsa-mangsa bencana, menjalankan pendaftaran mangsa-mangsa bencana bagi maksud pemulihan dan akhir sekali memberi bimbingan dan nasihat/kaunseling kepada mangsa-mangsa bencana.

Dalam menghadapi Monsun Timur Laut 2023/2024 kali ini, Kementerian melalui JKM telah mengenal pasti dan menyediakan sebanyak **8481 Pusat Pemindahan Sementara (PPS)** di seluruh Malaysia yang mampu menampung sebanyak **2.15 juta** penduduk pada satu-satu masa. Sebanyak **5,063 PPS** tersebut merupakan premis sekolah manakala baki adalah terdiri daripada Balairaya, masjid dan sebagainya. Bagi pengoperasian di PPS, sebanyak **47,635 collapsible tent** telah disediakan untuk memberikan keselesaan kepada mangsa

bencana.

Dari aspek kewangan, JKM telah diperuntukan sebanyak RM35.8 juta melibatkan peruntukan persekutuan sebanyak RM13.7 juta dan peruntukan negeri sebanyak RM22.1 juta bagi menghadapi bencana pada tahun 2023. JKM juga telah diperuntukan sebanyak RM3 juta untuk pembelian makanan teknologi retort untuk kegunaan makanan mangsa dalam tempoh 24 jam pertama pembukaan PPS.

Selain itu, sebanyak 5167 pegawai dan kakitangan sedia digerakkan pada bila-bila masa dengan dibantu seramai 157 kaunselor dan 864 pasukan sokongan psikologi (PST). Selain itu, bagi melancarkan pengoperasian di PPS, seramai 8,543 sukarelawan JKM juga sedia untuk digerakkan.

Kementerian melalui JKM juga turut mempunyai beberapa rakan strategik daripada agensi kerajaan dan swasta seperti Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Pertahanan Malaysia (APM), Ikatan Sukarelawan (RELA), Yayasan Petronas, Yayasan Sime Darby dan Gardenia Barkeries yang bersedia menyumbang dari segi logistik, barangan keperluan dan sebagainya.

Masyarakat adalah diseru untuk memuat turun aplikasi Sistem InfoBencana JKM 2.0 melalui aplikasi di *Google Play* dan *Apps Store* bagi mendapatkan informasi terkini dan semasa (*real time*) maklumat pengurusan bencana di seluruh Malaysia.

Lawatan pada hari ini juga turut dihadiri YBhg. Dr. Maziah binti Che Yusoff, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK), YBrs En Norazman bin Othman, Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat (KPKM) serta pegawai-pegawai kanan Kementerian dan Agensi.

###

Disediakan oleh:
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
18 Disember 2023